



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU


TAHUN 11 BILANGAN 3 RABU 19 JANUARI, 1966

1385 رابو 27 رمضان

PERCHUMA

*Di-ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kapada
Umat Islam dan
Selamat Tahun Baru Kapada Kaum Tiong Hua*

Umat Islam Di-Seluruh Negara Akan Membanjiri Masjid² Untuk Bersembahyang Raya



Masjid Omar Ali
Saifuddin, Brunei.

BANDAR BRUNEI — Beribu2 orang Umat Islam akan membanjiri Masjid Omar Ali Saifuddin dan pekarangan Masjid itu untuk menunaikan fardhu Sembahyang Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini.

Selain dari itu, Masjid Mohamed Jemalul Alam di-Kuala Belait, Masjid Pekan Seria, Masjid Pekan Tutong, Masjid Setia Ali di-Muara, Masjid Pekan Bangar dan lain2 Masjid di-seluruh Negara akan penuh sesak oleh Umat Islam untuk bersembahyang raya pada pagi hari yang mulia itu.

Sembahyang Raya Aidil Fitri di-Masjid2 di-seluruh Negara akan di-mulai pada jam 8 pagi. Sementara itu, Pegawai2 Jaba-

tan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukor Brunei akan melihat anak bulan Shawal di-Pantai Berakas pada petang hari Juma'at 21 Januari, 1966.

MELIHAT ANAK BULAN SHAWAL

Sa-kira-nya anak bulan Shawal dapat di-lihat pada petang hari tersebut, maka Umat Islam di-seluruh Negara akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada hari Sabtu 22 Januari, 1966.

Kalau-lah anak bulan Shawal tidak kelihatan pada petang hari tersebut, maka Umat Islam di-seluruh negeri ini akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada hari Ahad 23 Januari.

Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini, ada-lah di-perchayai

akan di-sambut dengan lebeh meriah lagi daripada sambutan2 pada tahun yang lalu.

Persediaan2 telah pun di-seenggarakan oleh pihak2 yang berkenaan untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini dengan sa-chara besar2-an, boleh jadi, lebeh meriah lagi dari sambutan2 pada tahun yang lalu.

Selain dari Majlis2 Sambutan oleh Persatuan2 tempatan, Radio Brunei juga akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini dengan mempersembahkan satu temasha yang gembira, ia-itu Aneka Ria Aidil Fitri, bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam hari Sabtu 29 Januari.

Sa-malam terlebeh dahulu, ia-itu pada malam hari Juma'at 28 Januari, Radio Brunei Bahagian Melayu akan mempersembahkan Pertandingan Bintang Radio Brunei Kejohanan Seluruh Negeri Brunei di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA DI - SELURUH NEGARA MENGUTUSKAN KAWAT 'SELAMAT HARI RAYA' KAPADA D.Y.M.M. DI-LONDON

BANDAR BRUNEI. — Penge-tua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei. Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, serta Pegawai2 dan Guru2 Ugama di-seluruh Negeri Brunei telah mengutuskan kawat dibawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-London, meng-ucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Baginda dan rombongan dengan ucapan samoga Baginda dan rombongan sehat wal'afiat.

Kawat itu telah di-utuskan kepada Baginda melalui Jururing Baginda pada minggu yang lalu. Demikian menurut penerangan sa-orang Juru-chakap Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada pagi hari Ithnin yang lalu.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah mengemukakan terima kasih kepada Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar atas kebijaksanaan beliau memimpin Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei selama tujuh hari, empat hari dalam bulan Disember yang lalu dan tiga hari mulai pada 11 Januari, 1966 bertempat di-Dewan Kema-

sharakatan, Bandar Brunei.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah melafdzkan ucapan tersebut dalam Uchapan Penanggihan beliau pada petang hari Khamis 13 Januari, 1966.

TERIMA KASEH

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Pa-

duka Marsal telah menguchapkan terima kasih kepada Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei, Tentera2 British dan lain2-nya yang telah berkhidmat untuk Negeri Brunei dalam tahun yang lalu.

Beliau juga telah menguchap-kan terima kasih kepada Pegawai2 dan Kakitangan Kerajaan

terhadap perkhidmatan mereka yang chemerlang itu kepada Negeri Brunei Darul Salam.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah menyeru kepada semua lapisan ra'ayat di-negeri ini, supaya mereka memberi lagi kerjasama kepada Kerajaan untuk melak-sanakan Rancangan2 Perkembangan dan Pembangunan Negeri bagi Tahun 1966 ini.

Empat orang Ahli2 Yang di-pilih oleh ra'ayat telah memberi Uchapan Penanggihan di-majlis (Lihat muka 4)

HARGA FITRAH

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah menetapkan harga Fitrah untuk Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei pada tahun ini ia-lah \$1.25 sen.

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

SA-BAGAI yang telah ditegaskan dalam tulisan ini, bahawa bahasa seperti hal-nya dengan manusia sendiri ada-lah berubah menurut hukum evolusi. Namun pertukaran atau peralihan itu tidaklah terlalu nyata untuk dirasakan; kerana ia akan mengambil jangka waktu yang lama seperti berabad2.

Dalam jangka waktu yang samemikian lama, sesungguhnya tidak-lah jelas terasa pada manusia yang menuturkan bahasa itu. Sa-bagai manusia sendiri tidak terasa pada perubahan dirinya sendiri, mithal-nya jika kita melihat wajah kita hari ini di muka kaca penghias, esok-nya kita tidak dapat melihat kesan2 perubahan wajah kita, bila mana pergi melihat kaca penghias itu semula, meskipun sa-benar-nya perubahan itu ada.

Masa-nya akan tiba, bilamana kita bukan berada di-zaman anak2 lagi; tapi telah dewasa, kemudian kita meninggalkan zaman remaja kita yang segar; menjadi orang yang berusia pertengahan; kemudian kita menjadi orang tua.

Ya, demikian-lah pula hal-nya dengan bahasa, bahasa juga sa-bagai manusia yang tetap dengan hukum evolusi; tumbuh, berkembang, berubah, atau mati terus. Bahasa yang telah hilang daya tumbuh dan berkembang-nya; akan menjadi suatu bahasa yang statis, beku, dan menghadapi sa'at kelayuan-nya sa-bagai suatu bahasa yang mati; dan selama ia terus hidup, terus maju dan berkembang; selama itu-lah hukum evolusi berlaku atas-nya, ia akan berubah, bertukar dalam dasar2 peralihan yang tertentu.

ALIRAN BAHASA

Aliran bahasa yang terus mengalir dengan perubahan2 yang hampir sempurna, sa-bagai suatu chatatan yang tak putus2 terdapat-lah pada bahasa Latin-Roman. Dari Abad Kelima sebelum Masehi, sa-hingga hari ini, alir tersebut terdedah di-hadapan kita sa-bagai sa-buah sungai terbentang, di-mana hal-nya dapat di-ikuti dan di-teroka dengan jelas-nya.

Demikian-lah jika benar-lah tujuan kita untuk mengikuti menerima evolusi dalam peralihan bahasa2 dunia; maka bahasa Latin-Roman-lah yang merupakan suatu prinsip yang berjaya membawa kita kearah itu.

Dalam hal ini kita akan mendapat bahawa kita menemui fungsi2 sejarah sechara langsung yang tali menali hubungan-nya dengan perkembangan dan peralihan bahasa sechara umum. Sa-sungguh-nya perkara2 yang

oleh Ibrahim Mohd. Said

berlainan dalam bahasa ada-lah darjah atau peringkat bahasa itu, bukan-lah dari jenis apa-kah bahasa itu.

Bahasa Latin dapat di-kesani dari da'erah kelahiran-nya sejak 500 tahun sa-belum Masehi. Zaman pra-sejarah-nya tidak-lah di-ketahui, kerana kurang-nya atau hampir2 tiada langsung chatatan yang tertulis, tapi dapat-lah kita mengerti yang suatu kumpulan orang2 atau bangsa yang berbahasa Indo-Eropah merantau dan meneroka kehalu selatan dan kebarat dari daerah asli tumpah darah mereka. Selagi mereka mengambara dalam waktu yang bukan singkat banyak-lah perubahan2 yang mempengaruhi bahasa mereka, mereka menemui jalan melintas pergu-

tempat2 di-bahagian Utara Afrika, antara lain-nya juga telah memberikan pengaruh luas hubongannya dengan bahasa Yunani.

Hubongan dengan Yunani inilah menjadikan suatu aspek perkembangan dan pengaruh Latin di-daerah2 kawasan Semenanjung Balkan. Hal ini tidak-lah menjadi sangsi bilamana banyak perkataan2 Yunani (Greek) telah di-pengaruh oleh Latin, bahkan sechara langsung telah meminjam beberapa perkataan.

ZAMAN KELASIK

Sa-sungguh-nya bahasa Latin zaman klasik telah meningkat kemarchu jaya-nya pada tahun yang ke-100 sa-belum Masehi, dan terus menerus dalam keadaan

telah di-utarakan pada permulaan tadi, bahasa juga harus tunduk kepada laku-kudrat dari hukum evolusi, maka demikian pula hal-nya dengan bahasa Latin klasik harus tunduk kepada putaran evolusi. Ia harus berubah, dan beralih dalam wajah dan bentuk Sa-hingga ka-tahun 813 Mesehi, bahasa yang di-namakan Lingua Latina, telah malap, dan suatu nama baru yang tumbuh di-atas lama ia-lah Lingua romana rustica. Dan dari dasar dan rumpun ini-lah tumbuh-nya bahasa2: Peranchis, Sepanyol, Itali, Portugis, Catalan dan Rumania.

Demikian-lah bahasa harus menghadapi proses evolusi, peralihan berubah, maju, kembang atau hilang dalam pengisiran waktu yang terus berlaku. Dan dari titik ini-lah, bahasa yang dikenali pada mula-nya sa-bagai bahasa Latin, telah bertukar menjadi suatu yang baru dalam bentuk; pertuturan2 dari lidah bangsa Rome, Bahasa-nya, dasar-nya, tetap sama, tetapi sebagai sungai ia berpecah menjadi chawangan2 yang terpisah; dan sepanjang zaman dan sejarah dunia ia akan terus mengalir hidup selagi ada bangsa yang menuturkan-nya.

RINTIS SEJARAH

Jika hal ini kita bawaan kembali kepada bahasa Melayu, akan bersua-lah pula kita akan keadaan sedemikian dalam rintis sejarah bahasa Melayu itu. Dan tidak hairan-lah bila di-tahun 1956 dalam kongres bahasa III di-Singapura, bilamana Prof. Priyono mengatakan Bahasa Indonesia bukan-lah bahasa Melayu lagi, tetapi ia bukan-lah lain dari bahasa Melayu. Ini bererti, baik bahasa Melayu maupun apa yang di-katakan bahasa Indonesia sekarang, bukan-lah bahasa Melayu di-zaman klasik, malah ia suatu bahasa yang moden, yang telah tumbuh, berkembang di-atas asas dan dasar yang lama.

(Bersambung)

Gunakan-lah Bahasa Melayu Sa-tiap Masa

nongan Alps ka-Semenanjung Itali, di-sana mereka berusaha dengan penduduk2 yang berlainan bangsa dan bahasa.

LIDAH PERTUTURAN

Bahasa Latin pada mula-nya, ada-lah lidah pertuturan dari sekelompok kecil dari penduduk yang menghuni lembah di-Kuala Sungai Tiber di-bahagian barat Itali Tengah.

Sejarah dari orang2 yang menuturkan bahasa Latin ada-lah di-mulai pengalaman pahit dari perjuangan untuk menyelamatkan diri dari pengaruh bangsa Etruscan, yang pada suatu masa telah pernah menalokkan Rome dan mendirikan kedaulatan mereka di-bawah pemerintahan raja2 Trquinian yang kemudian-nya pula telah jatuh dengan kebangkitan dari kerajaan Republik Rumawi.

Bahasa Latin yang timbul pada Abad Kelima sa-belum Masehi maseh jauh daripada kesempurnaan-nya sebagai yang terdapat kini ia merupakan suatu bahasa yang bersifat kasar, unsor2 pertuturan pasaran yang kebanyakan bersifat militir atau ketenteraan dan petani, kurang dalam segala hal yang bersangkutan dengan kaedah atau sistem rangkai kata sebagai suatu bahasa yang wajar.

Kemenangan Kerajaan Rome dalam pertemporan2 dengan Kerajaan Carthage menjadikan suatu pertalian yang dapat menyambungkan perkembangan dan pengaruh bahasa Latin ketempat2 yang jauh dari asal-nya seperti Sicily, Sardinia, Sepanyol dan

saperti itu lebeh dari 300 tahun pula. Dan ini-lah bahasa yang di-pertuturkan pada zaman Julius Caesar, suatu bahasa yang terator, indah dan halus dan lengkap dalam penjelmaan kata dan kaya fikiran-nya.

Dalam beberapa aspek ia mempunyai daya kuat untuk menyampaian falasafah, undang2 dan tata negara. Ini mengingatkan pula kepada kita betapa bahasa itu dapat di-jelmakan dalam sari kesusasteraan dan pembicaraan2 dari Vergil, sa-orang penyair Rom yang hidup di-tahun 70-19 sa-belum Masehi dan Ceciro, sa-orang pujangga dan pengachara bangsa Rome yang hidup di-tahun 106-43 sa-belum Masehi.

Namun demikian, sa-bagai yang

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Januari hingga ka-hari Selasa 25 Januari, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35	
20	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35	
21	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35	
22	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35	
23	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35	
24	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35	
25	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Halaman Ugama:

ZAKAT DAN HIKMAT-NYA

ERTI Zakat ia-lah memberi atau mengeluarkan sa-ba-bagian dari pada harta yang tertentu kadar-nya dan tentu jenis-nya, di-berikan atau di-bahagikan kepada orang2 yang berhak menerima-nya.

Zakat hukum-nya Fardhu Ain (wajib), jika telah semporna segala sharat2-nya, kerana ia ada-lah satu daripada Rukun Islam. Firman Allah di-dalam Al-Qur'an: "Dirikanlah oleh mu sembahyang dan keluarkanlah zakat." Ayat 43 Surah Al-Baqarah.

HIKMAT ZAKAT

Zakat mengandungi atau rahasia2 yang mendatangkan faedah kepada diri sa-orang dan kepada masyarakat.

Di-antara hikmat2-nya: —

1. Dapat membersehhkan jiwa pada diri sa-orang daripada sifat2 tama' dan haloba.
2. Mendatangkan berkat pada harta benda atau barang2 perniagaan.
3. Menambah dan memper-baiki hubungan antara orang2 kaya dengan orang2 miskin.
4. Dapat menyukakan hati orang2 miskin, dengan demikian mereka tidak me-rasa diri-nya tidak di-per-dulikan oleh orang2 yang berharta, terutama di-masa menghadapi Hari Raya.
5. Dapat memperbaiki ke-pin-changan masyarakat.

Zakat itu terbahagi kepada dua bahagian:

1. Zakat Fitrah, atau di-sebut juga "Zakat Badan".
2. Zakat Harta, (panjang hu-raian-nya di-dalam kitab2 Fikah).

Zakat Fitrah atau yang di-sebut Zakat Badan, ia-lah daripada jenis makanan yang wajib di-keluarkan oleh sa-tiap orang Islam yang ada mempunyai ke-lebehan bagi diri-nya dan orang2 yang di-tanggong-nya untuk malam dan siang Hari Raya.

Jenis makanan itu hendak-lah daripada makanan yang biasa di-jadikan makanan yang mengenyangkan pada penduduk sa-buah negeri, seperti beras pada pen-duduk2 di-Tanah Melayu dan gandum pada penduduk2 Negeri Arab dan India.

Sukatan Zakat Fitrah yang wajib di-keluarkan oleh sa-tiap orang Islam ia-lah sa-gantang Baghdad, dan di-negeri kita ini bersamaan dengan 3 kati 12 tahlil beras.

SHARAT2 WAJIB ZAKAT FITRAH

Sharat2 yang mewajibkan Fitrah itu 4 perkara: —

1. Islam, maka tiada wajib kepada orang2 yang bukan Islam mengeluarkan Zakat Fitrah.

oleh
Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

2. Merdeka (merdeka) maka tiada di-wajibkan berfitrah bagi sa-orang hamba abdi, melainkan di-wajibkan kepada tuan-nya mengeluarkan fitrah untuk hamba-nya.

3. Dapat hidup pada akhir Ramadhan (bulan Puasa) dan awal Shawal (Hari Raya), maka tiada wajib di-keluarkan fitrah bagi sa-orang yang meninggal dunia pada 30 Ramadhan (kerana ia tidak dapat awal Shawal) dan juga tiada wajib di-keluarkan fitrah anak yang di-lahirkan pada awal Shawal (ke-rana ia tidak dapat akhir Ramadhan).

- Hanya wajib di-keluarkan fitrah bagi sa-orang anak yang di-lahirkan pada 30 Ramadhan kalau umor-nya lanjut hingga 1 Shawal (kerana ia dapat akhir Ramadhan dan awal Sha-wal).
4. Ada harta yang lebih daripada perbelanjaan diri-nya sendiri dan semua orang2 yang di-bawah tanggong-nya (anak isteri dan hamba2-nya), pada malam hingga siang Hari Raya.

MENGELUARKAN FITRAH DENGAN WANG

Menurut Madhab Shafi'i, tidak harus mengeluarkan fitrah dengan wang menggantikan harga beras atau gandum sa-kadar anggaran sukatan-nya (sa-gantang Baghdad atau 3 kati 12 tahlil) bagi siap2 sa-orang.

Menurut Madzhab Hanafi pula, bahawa mengeluarkan zakat fitrah dengan wang sa-bagai ganti makanan yang di-wajibkan itu, hukum-nya harus, memandang

kapada penting-nya mata wang pada masa ini mengatasi kepen-beras dan lain2-nya.

Maka kerana itu kebanyakan Pejabat2 Ugama di-Tanah Melayu telah mengharuskan umat Islam di-zaman ini bertaklid (me-nerima sa-suatu pendapat dengan tidak payahبدالil) dengan Madzhab Hanafi, ia-itu harus mengeluarkan Fitrah dengan wang.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, telah menentukan Zakat Fitrah bagi tahun 1385 Hijrah bersamaan tahun 1966 Masehi ini, bagi satu fitrah sa-gantang Baghdad bersamaan dengan 3 kati 12 tahlil, atau dengan nilai harga-nya sa-banyak \$1.25.

WAKTU MENGELUARKAN FITRAH

1. Waktu Wajib; di-keluarkan dari samenjak malam Hari Raya.
2. Waktu Sunat; di-keluarkan dari sa-lepas sembahyang Suboh hingga Imam mendirikan Sembahyang Hari Raya.
3. Waktu Makruh; ia-itu bila di-keluarkan sa-lepas Sem-bahyang Hari Raya hingga terbenam mata hari (Hari Raya pertama).
4. Waktu Haram; ia-itu jika di-keluarkan sa-telah terbenam matahari pada Hari Raya pertama.
5. Waktu Harus; ia-itu jika di-keluarkan dari awal Rama-dhan.

ORANG2 YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT

Orang2 yang sah di-berikan zakat kapada-nya, dan berhak menerima zakat itu (sama ada Zakat Harta atau Fitrah), ada delapan jenis seperti yang di-fir-mankan Tuhan: —

"Hanya sa-nya zakat itu bagi

orang2 fakir, miskin, amil, mu'al-laf, hamba2 yang hendak di-merdekakan, orang2 yang ter-hutang, orang2 yang berperang pada jalan Allah dan musafir yang terlantar dalam perjalanan. Sa-bagai suatu fardhu dari Allah". Ayat 60 Surah At-taubah.

Pengertian Lanjut-nya: —

1. **FAKIR:** Orang yang pen-dapatan-nya tidak sampai sa-paroh daripada yang di-hajatkan-nya. Umpama-nya orang itu ber-hajat sa-hari \$2.00 tetapi yang di-dapati-nya tidak sampai \$1.00.

2. **MISKIN:** Orang yang pen-dapatan-nya lebih sa-paroh dari-pada yang di-hajatkan-nya. Seperti ia berhajat untuk nafkahnya dan keluarga-nya \$2.00 tetapi yang di-dapati-nya lebih daripada \$1.00 tetapi kurang daripada \$2.00.

3. **'AMIL:** Orang yang di-lantek oleh kerajaan untuk me-nguruskan hal ehwal zakat.

4. **MU'ALLAF:** Orang yang baharu memeluk Ugama Islam. Ia dapat bahagian zakat untuk memujuk hati-nya supaya kekal dalam Ugama Islam.

5. **HAMBA YANG HENDAK DI-MERDEKAKAN:** Ia-itu hamba yang telah di-janjikan oleh tuan-nya akan di-merdekakan sa-kira-nya ia dapat membayar (menebus diri) dengan wang sakian2.

6. **ORANG YANG TERHUTANG;** Iaitu orang yang terhutang kerana membelanjakan harta-nya untuk muslihat 'am atau kerana kebaji-kan.

7. **ORANG YANG BERPERANG PADA JALAN ALLAH:** Sukarelawan yang berperang kerana menegakkan Ugama Allah.

8. **MUSAFIR YANG TERLANTAR DALAM PERJALANAN:** Ia-itu mu-safir yang jauh dari negeri-nya, sama ada di-dalam perantauan atau sedang menuntut ilmu li-luar negeri tiba2 terlantar kerana keputusan perbelanjaan.

Mengetahui Awal Ramadhan dan Awal Shawal

(Sambongan)

Hukum haram melakukan puasa pada hari itu rupa-nya tidak terkhas kapada orang2 yang sedang menyempornakan Haji sahaja, malahan meliputi kesemua umat Islam, untuk sama2 mengingati sau-dara mara-nya atau kaum keluarga-nya yang sedang berada di-Mekah kerana me-nyepornakan Fardhu Haji. Dengan demikian mereka akan sentiasa mendo'akan su-paya keluarga atau sahabat handai mereka yang sedang berada di-Mekah, selamat hingga kembali dan berjumpa

lagi, sambil ia berchita2 sa-muga pada lain tahun kalau ada rezeki mereka pula akan dapat menunaikan Fardhu Haji seperti mereka yang te-lah dapat menyempornakan Haji.

3. Di-haramkan berpuasa pada hari Shak, ia-lah untuk me-lateh orang2 Islam supaya sentiasa mengamalkan kerja2 mereka sa-chara berdisiplin, berperatoran, kerana satu2 kerja yang hendak di-lakukan hendak-lah dengan perintah orang2 atasan-nya, jangan melakukan sa-suatu dengan tidak dapat kenyataan yang nyata dari orang2 yang ber-

tanggong jawab dalam Uga-ma Islam.

Selain daripada yang tersebut, ia-lah untuk supaya dapat di-samakan hari mula memegang puasa di-negeri2 Islam, dengan demikian dapat-lah di-pandang persatuan yang kukuh antara umat Islam, biar pun mereka itu di-lain2 negeri dan berlainan bangsa.

Mungkin ada lagi sebab2 atau hikamat2 lain yang tidak nyata kapada pandangan manusia sa-perti kita, tetapi hanya di-keta-hui oleh mereka yang dalam dan jauh pandangan-nya, dan kese-mua-nya itu ada-lah teladan yang baik dari Allah.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

(Dari Muka 1)

tersebut. Mereka ia-lah Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Wakil Kawasan Seria; Yang Berhormat Awang Zainal 'Abidin bin Puteh, Wakil Kawasan Belait; Yang Berhormat Awang Othman bin Awang Sunggoh, Wakil Kawasan Kampong Ayer dan Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun, Wakil Kawasan Ulu Belait.

Sa-lepas itu, Dato Speaker Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, telah menguchapkan beranyak2 terima kasih kepada Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun yang telah menguchapkan terima kasih pada beliau atas kebijaksanaan beliau memimpin Persidangan Majlis Mashuarat tersebut baru2 ini.

Beliau juga telah menguchapkan beranyak2 terima kasih kepada semua ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah bekerjasama bagi menghasilkan persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Ketika menamatkan ucapan Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah menguchapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Ahli2 yang beragama Islam dan Uchapan Selamat Tahun Baru kepada lain2-nya.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang bersidang selama tiga hari dalam bulan ini telah meluluskan 3 Usol (2 daripada-nya dengan pindaan) dan menolak 8 Usol.

Usol yang di-luluskan itu telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Wakil Kawasan Seria.

PEMBENAAN RUMAH2 MURAH

Usol tersebut berbunyi, "Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol supaya Kerajaan dapat mengadakan dengan segera sa-buah projek membena rumah2 yang murah harga-nya untuk ra'ayat negeri ini, terutama penduduk2 yang di-luar bandar".

Satu Usol yang di-luluskan dengan pindaan ada-lah seperti berikut:—

Oleh Yang Berhormat Awang Zainal 'Abidin bin Puteh, Wakil Kawasan Belait, dengan pindaan oleh Yang Amat Berhormat Dato

Seri Paduka Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei berbunyi:

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usol untuk melaksanakan dengan sa-segera2-nya Perkembangan2 Perlembagaan Negeri Brunei yang menuju ka-araf Kemerdekaan Negeri Brunei yang sa-benar2-nya mengikut sa-perti yang di-jelaskan di-Kertas Puteh Nombor 4 Tahun 1965."

Satu lagi Usol telah di-luluskan dengan pindaan oleh Yang Berhormat Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar. Usol itu berbunyi:

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol supaya tiap2 Jawatan KETUA PEJABAT yang di-pegang oleh orang luar negeri itu, hendaklah di-adakan TIMBALAN-nya yang terdiri daripada anak negeri, siapa yang akan mengambil alih jawatan itu nanti dalam tempoh dan keadaan yang sesuai".

Usol2 yang telah di-tolak adalah seperti berikut:

(1) Usol oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Awang Sunggoh, Wakil Kawasan Kampong Ayer yang berbunyi:

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usol

supaya 'sepuluh minit' diantara perkataan2 Ahli yang beruchap atau menjawab menurut cheraian (2) tiada boleh berchapak lebih daripada 10 minit dalam Peratoran Tetap, Bab 35 cheraian (4), di-potong dan di-gantikan dengan perkataan 'tiga puluh minit'".

(2) Oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Awang Sunggoh yang berbunyi:

SEKOLAH LATEHAN PENTADBIRAN AWAM

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usol supaya Kerajaan berikhtiar dengan sa-boleh2-nya mengadakan sa-buah Sekolah Latehan Pentadbiran Awam untuk faedah melatih anak2 Brunei yang akan memasoki Jabatan2 Kerajaan mahu pun pekerja2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan".

(3) Oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Awang Sunggoh yang berbunyi:

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usol supaya Kerajaan berikhtiar dengan sa-sunggoh2-nya mempercepatkan pembangunan luar bandar yang berupa asas perkembangan seperti Jalan2 Raya, Perbekalan Ayer, Per-

bekalan Letrik dan Perbekalan Gas untuk faedah2 Pembangunan Negara".

(4) Oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Awang Sunggoh yang berbunyi:

GAJI PEKERJA KERAJAAN

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usol supaya kaki-tangan Jabatan2 Kerajaan yang bergaji hari yang telah sampai kepada gaji akhir, di-berikan jawatan2 bergaji bulan dan sa-terus-nya berjawatan tetap dengan mendapat faedah2 penchen, chuti dan sebagai-nya serupa dengan Pegawai Kerajaan dalam jawatan2 tetap yang ada sekarang".

(5) Oleh Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh yang berbunyi:

PERJANJIAN MELOMBONG MINYAK

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu Usol supaya membentok satu Surohanjaya yang terdiri dari Wakil2 Ra'ayat untuk mengkaji sa-mula Perjanjian2 Melombong Minyak Petrol yang telah di-buat di-antara Kerajaan dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang berjalan sekarang ini".

(6) Oleh Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh yang berbunyi:

TANAH UNTUK PERUMAHAN DAN BERCHUCHOK TANAM

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol untuk memberikan tanah tapak perumahan dan tempat berchuchok tanam kepada ra'ayat yang tidak mempunyai tanah, yang bermaksud untuk membena rumah atau berchuchok tanam".

(7) Oleh Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh yang berbunyi:

PEKERJAAN JAWATAN2 TINGGI

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol untuk memberikan kesempatan2 yang sa-luas2-nya kepada ra'ayat untuk memperolehi pekerjaan dan melayakkan mereka bagi menjawat jawatan2 tinggi dalam Jabatan Kerajaan, Sharikat2 Perusahaan dan dalam Sharikat2 Perniagaan".

(8) Usol oleh Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun, Wakil Kawasan Ulu Belait yang berbunyi:

JENTERA MERADU TANAH

"Bahawa Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol supaya jentera2 "Kubota" ia-itu jentera untuk meradu tanah bagi pertanian dapat di-adakan oleh Kerajaan untuk luar bandar dan daerah2 yang sesuai dalam Negeri Brunei ini".

Peraduan Cherpen Untuk Bachaa Kanak2 Anjoran D. B. P. Brunei

BANDAR BRUNEI — Penulis2 dalam Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk memasoki peraduan Cherpen Untuk Bachaa Kanak2.

Sharat2 peraduan ada-lah seperti berikut:—

Peraduan ini terbuka kepada penulis2 dalam Negeri Brunei sahaja.

Cherpen untuk peraduan ini mesti-lah sesuai untuk bachaa kanak2 yang berumur 6 tahun hingga 10 tahun.

Bahan2 cherpen mesti-lah merupakan chiptaan asli penulis-nya sendiri dan belum pernah di-terbitkan melalui buku2 atau majallah2 atau di-siarkan melalui radio.

Panjang cherpen mesti-lah diantara 1,000 dan 1,500 perkataan.

Setiap cherpen yang di-hantar untuk memasoki peraduan, hendak-lah di-sertakan dengan borang "PERADUAN CHERPEN KANAK2".

Cherpen hendak-lah di-tulis diatas kertas keping ukuran biasa (kertas kajang) pada sa-belah muka sahaja.

Jika menggunakan mesin tulis (taip) buat-lah dengan jarak dua barisan ("double spacing") dan hendak-lah di-hantar sebanyak tiga salinan.

Peraduan cherpen ini akan ditutup pada 31 Januari, 1966.

Keputusan hakim dalam peraduan ini ada-lah mu'tamad dan sebarang bantahan tidak akan di-layani.

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan cherpen ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

HADIAH2

Hadiah2 akan di-berikan kepada pemenang2 yang berjaya.

Cherpen hendak-lah di-hantar kepada:—

PERADUAN CHERPEN
BACHAA KANAK2,
D/A DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, BANDAR BRUNEI,
BRUNEI.

PERINGATAN:

Pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik sechara langsung atau pun tidak langsung.

HADIAH2 HARI RAYA

BANDAR BRUNEI — Jawatan Kuasa Derma Hari Raya bagi Anak2 Yatim, Orang2 Sakit dan Banduan2 akan menyampaikan

hadiah2 Hari Raya kepada orang2 yang berkenaan itu. Hadiah2 itu akan di-sampaikan pada hari Khamis 20 Januari, 1966.

MAJLIS2 SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI

BINTANG HARI RAYA, tarian2, nyanyian2, lawak-jenaka dan lain2-nya.

Sambutan Aneka Hari Raya P.M.K.T.

KAMPONG KERIAM. — Persatuan Melayu Keriak akan mempersembahkan sa-buah tablo berjudol, "BUKAN SALAH IBU MENGANDONG", ia-itu hasil karya dan arahan Awang Junaidi Mohd. Safar.

Tablo tersebut akan di-persembahkan di-temasha ANEKA HARI RAYA PERSATUAN MELAYU KERIAM TUTONG bertempat di-Dewan P.M.K.T. pada malam Hari Kedua Hari Raya Aidil Fitri ia-itu pada malam hari Ahad 23 Januari, jika sa-kira-nya Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini jatuh pada 22 Januari.

Jikalau Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini jatuh pada 23 Januari, maka temasha tersebut akan di-adakan pada malam 24 Januari.

Selain daripada Tablo tersebut, Persatuan Melayu Keriak akan mempersembahkan sa-buah Sandiwara berjudol "MENCHARI KE-AMPUNAN". Awang Junaidi Mohd. Safar ia-lah juga penyusun dan pengarah sandiwara itu.

PERADUAN RATU HARI RAYA

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan Ratu Hari Raya, Peraduan Pakaian Beragam, Peraduan Bintang Hari Raya, Persembahan Nyanyian, tarian, lawak jenaka dan lain2 achara yang meriah.

Jawatan Kuasa Sambutan Aneka Hari Raya, Persatuan Melayu Keriak menjemput orang ramai ka-temasha tersebut.

Ratu Rumah Sakit

BANDAR BRUNEI. — Satu Pertandingan RATU RUMAH SAKIT akan di-adakan di-Asrama Juru-rawat Rumah Sakit Besar Bandar Brunei pada 29 Januari mulai jam 7-30 malam, sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Pertandingan Ratu Rumah Sakit itu ada-lah terbuka kepada Jururawat2 di-seluruh Negeri Brunei dan akan di-adakan di-bawah anjoran Kaum Muslimin dan Muslimat, Pejabat Perubatan, Brunei.

Sambutan Hari Raya

Persatuan PERANGKAB

KAMPONG BURONG PINGAI — Persatuan Angkatan Burong Pingai Brunei (PERANGKAB) akan mengadakan Majlis Per-

jumpan Hari Raya bertempat di-Kampung Burong Pingai Berakas pada hari Juma'at 28 Januari, 1966 mulai jam 3 petang.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah persembahan tarian, nyanyian dan Pesta Ria.

PESTA DERAMA

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Persatuan PERANGKAB akan mengadakan Pesta Derama terbuka kepada Persatuan2 Belia di-seluruh Negeri Brunei tidak berapa lama lagi.

Majlis Hari Raya Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela

PEKAN TUTONG. — Jawatan Kuasa Tadbir Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, Tutong akan mengadakan satu Majlis Perjumpaan dan Jamuan Ringan kerana menyambut Hari Raya 'Aidil Fitri di-Dewan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada jam 3-00 petang hari Selasa 25 Januari, 1966.

Yang di-pertua Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar dan Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei, Awang H. M. Salleh ada-lah di-antara orang2 yang akan berucap di-majlis tersebut.

Perjumpaan Hari Raya Persatuan 3PKA

KAMPONG PERAMU. — Satu Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidil Fitri di-bawah anjoran Persatuan Pakatan Pemuda Pemuda Kampong Ayer (3PKA) Brunei akan di-adakan di-rumah Setia Usaha Agong persatuan itu, Awang Mohamed Ali bin Mohamed Yusof pada jam 7-30 malam 27 Januari, 1966.

Pesta Hari Raya Persatuan 3PTM

TANJONG MAYA. — Satu temasha PESTA HARI RAYA akan di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Pemuda Pemuda Tanjong Maya (3PTM) pada malam Hari Ketiga Hari Raya Aidil Fitri.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan pada malam hari tersebut ia-lah sa-buah Derama sa-babak yang berchorak kemasharakatan, Peraduan

Sambutan Hari Raya

Oleh Anggota2 A.M.D.B.

BERAKAS. — Satu Peraduan Membacha Al-Koran antara anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei akan di-adakan di-Madrasah Berakas Kem pada hari Khamis 20 Januari (esok) mulai pukul 9-15 malam.

Peraduan tersebut ada-lah antara achara2 sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang di-adakan oleh Askar Melayu Diraja Brunei bagi tahun ini.

Peraduan tersebut terbahagi kepada dua bahagian ia-itu laki2 dan perempuan dan ada-lah terbuka kepada anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei dan isteri2 mereka sahaja.

Ini-lah julong2 kali-nya anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei mengadakan itu sa-bagai mengalu2kan bulan puasa dan ketibaan Hari Raya Aidil Fitri.

Perjumpaan

Hari Raya

K.P.P. Sungai

Kedayan

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mengadakan satu Majlis Perjumpaan di-Ibu Pejabat Kesatuan tersebut pada petang hari Juma'at 28 Januari, 1966. Berbagai2 achara yang meriah akan di-adakan di-temasha tersebut.

Sambutan

Hari Raya

Persatuan BAKTI

KAMPONG PEKAN LAMA. — Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda Brunei (BAKTI) akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mempersembahkan satu temasha Aneka Ria Aidil Fitri.

Temasha itu akan di-adakan di-Ibu Pejabat Sementara BAKTI di-Kampung Pekan Lama pada 23 Januari mulai jam 7-30 malam.

Pembukaan

Rasmi Madrasah

Ittihadiyah

Tasek Meradun

KAMPONG TASEK MERADUN. — Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh akan merasmikan pembukaan Al-Madrasah Ittihadiyah, Kampung Tasek Meradun, Batu 6 Jalan Tutong pada jam 4-30 petang hari Khamis 20 Januari 1966.

Uchapan2 akan di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar; Ketua Kampung Tasek Meradun, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh; Pengerusi Jawatan Kuasa Madrasah tersebut, Pengiran Mohamed bin Pengiran Badar; Setia Usaha Jawatan Kuasa Madrasah itu, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim dan lain2-nya.

Bachan Khatamal Koran akan di-mulakan pada jam 5-40 petang, dengan di-dahului oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar. Terlebih dahulu Pengiran Damit bin Pengiran Bakar akan membacha Kitab Suchi Al-Koran.

Majlis akan bersurai sa-lepas berbuka puasa; sembahyang maghrib (bagi para jempunan yang beragama Islam) dan Bachan Do'a Selamat.

Radio Brunei Bahagian Melayu telah mempersembahkan satu temasha PESTARAMA AIDIL FITRI di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei baru2 ini sebagai menyambut Hari Raya Di-antara achara2 yang telah di-adakan di-temasha tersebut ia-lah ranchangan khas berjudol "T.S.S." atau "Terima-lah Sampul Surat-ku" di-bawah pimpinan Ketua Pengelola Ranchangan Radio Brunei, Awang Yusof bin Haji Abdul Kadir. Dalam gambar ini kelihatan Awang Yusof Haji Kadir sedang berbual dengan sa-orang peserta yang mengambil bahagian dalam Ranchangan T.S.S. itu.



Malam Aneka Ria Kampong Sinaut

KAMPONG SINAUT — Malam Aneka Ria dan Malam Amal bagi menyambut Hari Raya Aidil-Fitri akan di-adakan di-Kampung Sinaut, Tutong, pada 26 dan 27 Januari, 1966. Beberapa achara akan di-adakan di-temasha itu.

Jawatan Kosong

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi beberapa jawatan kosong yang berikut di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:-

1. IMAM (4 jawatan).
2. KHATIB (2 jawatan).
3. BILAL (1 jawatan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun. Mereka hendak-lah tahu menulis dan membaca serta mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-min-ta.

Peperiksaannya bertulis akan di-adakan dalam perkara2 yang berikut:-

- (a) Ibadat, (b) Munakahat, (c) Jinayat dan (d) Tauhid.

Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:-

- (a) Bachaan Al-Quran;
- (b) Bachaan dalam sembahyang;
- (c) Khutbah (bagi Imam dan Khatib sahaja);
- (d) Tarhim (bagi Bilal sahaja).

Pegawai2 yang bekerja di-Masjid Omar Ali Saifuddin ada-lah di-utamakan.

Gaji:

1. IMAM — \$240x10-340 \$350x10-400 \$410x10-480.
2. KHATIB — \$200x10-300 — \$310x10-400.
3. BILAL — \$180x10-380.

AHLI2 POLIS BARU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang di-Bawah Naongan British peranan Brunei untuk berkhidmat sebagai Polis Baru dalam Pasukan Polis Di-Raja Brunei dengan syarat mereka mempunyai keperluan2 berikut:—

Pelajaran — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris.

Umur — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi.

Dada — Sekurang2-nya 31 inchi bila tidak menarek nafas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji — \$160 sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersetuju menjalani latehan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Polis Daerah, Brunei atau Penaga. Borang2 yang sudah dipenohkan hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Polis, Brunei, tidak lewat daripada 23 Januari, 1966.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat daripada 4 Februari, 1966. Permohonan2 yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang sesuai dan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria, Brunei.

PEMUNGUT SERANGGA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VI Melayu dan ada baik-nya jika pemohon2 mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan bahasa Inggeris.
- (2) Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat.
- (3) Keterangan2 mengenai tugas akan di-beri setelah di-lantek.
- (4) Pengalaman yang sudah2 dalam kerja menchegeh Malaria ada-lah satu keistimewaan.

Tugas2:

- (1) Menchari chontoh2 serangga.
- (2) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei dan boleh jadi akan di-kehendaki bertugas pada sebarang masa.

Gaji:

Dalam sukatan \$183x7-211-220x10-260-280-290-300. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

KETUA PASOKKAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VI Melayu dan Form II Inggeris.
- (2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang di-kehendaki seperti yang di-nyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama lebih dari dua tahun dalam pekerjaan menchegeh malaria akan juga di-pertimbangkan.
- (3) Chalon2 mesti-lah biasa dengan kawasan2 luar bandar, adat resam dan kebudayaan penduduk2 luar bandar.
- (4) Pengetahuan teknik tidak di-perlukan. Latehan akan di-beri setelah di-lantek.

Tugas2:

- (1) Mesti-lah bersedia bertugas

PENJAGA DI-PEJABAT SEKOLAH GAMBAR

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penjaga dalam Pejabat Sekolah Gambar, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Chalon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun;
- (b) Keutamaan akan di-beri

kapada chalon2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan Sekolah Gambar, Brunei, di-Kota Batu.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183x7 - 211-220 x 10-260-280-290 - 300.

Permohonan2 mestilah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 29 Januari, 1966.

RANCHANGAN MENGHAPUSKAN MALARIA

di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.

- (2) Mesti-lah bersedia membuat tugas2 menchegeh malaria yang lain yang di-arrah oleh Pengarah, Ranchangan Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290-310-330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

PENEROPONG KUMAN

DALAM PERCHUBAAN:

Kelayakan2:

- (1) Mestilah berkelulusan Darjah VI Melayu dan Form III Inggeris.
- (2) Latehan akan di-beri kapada chalon setelah di-lantek.

Tugas2:

- (1) Menyedia dan memeriksa chontoh2 darah.
- (2) Mesti-lah bersedia bertugas

di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.

- (3) Mesti-lah bersedia membuat tugas2 menchegeh malaria yang lain yang di-arrah oleh Pengarah, Ranchangan Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290-310-330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 Februari, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Penolong Jurutera Ayer

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Penolong Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus peperiksaannya "Institution of Civil Engineers" Bahagian I dan II, atau mempunyai ijazah kejuruteraan atau diploma yang membebaskan dari peperiksaannya yang tersebut di-atas, dari sa-buah Universiti atau maktab yang di-akui.

Setelah memperolehi kelayakan yang tersebut, chalon2 mesti-lah memperolehi pengalaman selama tidak kurang dari dua tahun (tambahan kapada pengalaman professional yang lain) dalam kerja pembekalan ayer moden, sama ada dalam bidang pengelolaan dan memelihara, berkaitan dengan pembekalan ayer kapada awam.

Umur mesti-lah tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan berbahasa Melayu ada-lah satu ke-utamaan.

Gaji: Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020x40-1660 sa-

bulan. Gaji permulaan bergantung kapada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 20 Januari, 1966.

JAWATAN JAWATAN KOSONG

PEMBANTU TEKNIK KANAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pembantu Teknik Kanan di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Lulus Form IV Inggeris atau yang sebanding dengan-nya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.
- (b) Mempunyai kelulusan yang di-akui seperti "City and Guilds Intermediate Certificate in Civil Engineering". Kelulusan yang serupa dengan itu boleh di-pertimbangkan. Sijil yang menunjukkan bahawa calon2 telah menamatkan kursus "Civil Engineering" selama satu tahun dengan memuaskan boleh di-pertimbangkan. Selain dari kelayakan teknikal, calon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal dalam "Civil Engineering".
- (c) Calon2 yang tidak mempunyai kelayakan teknikal tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam Pengawasan semua kerja "Civil Engineering" boleh di-pertimbangkan sebelum mendapat kelulusan yang di-perlukan.

Gaji: Dalam sukatan \$520-540x 30-840 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Berkontrek selama tiga tahun termasuklah masa perhubungan bagi tempoh enam bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan, akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas

satu tempoh perhubungan selama tiga tahun.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha

Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Januari, 1966.

PENOLONG JURURAWAT PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari calon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat DYMM Sultan untuk jawatan sebagai Penolong2 Jururawat Perhubungan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2 — Pemohon2 mesti-lah belum kahwin dan berumur lebih dari 18 tahun. Mereka hendak-lah lulus Form I Inggeris, atau darjah VI Melayu dan tahu berbahasa Inggeris serba sedikit.

Sukatan Gaji — Penolong Jururawat Perhubungan: \$183x7 - 204.

Penolong Jururawat Terlateh: \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300.

Penolong Jururawat Kanan: \$290x20 - 370 - 380.

Alaon — Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa latehan. Sebagai tambahan, alaon chatuan sebanyak \$35 sa-bulan akan di-bayar semasa dalam tempoh perhubungan.

Perchubaaan — Tempoh perhubungan lazim-nya ia-lah selama 2 tahun.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

JAWATAN2 KOSONG — GURU UGAMA TERLATEH

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Agama Terlateh di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- (i) Umur di-antara 18 hingga 45 tahun.
- (ii) Lulus darjah khas Ugama Johor atau pun sebanding dengan-nya.

(iii) Lulus Darjah V Seko'lah Melayu atau sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$211-220 x10-260-280-290x20-370-380x 20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Kontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Pejabat Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 20 Februari, 1966.

Merinyu Kesehatan Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayan2.

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun, dan mereka mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau berhak untuk di-daftarkan sedemikian.

Pemohon2 mesti-lah lulus Pe-pereksaan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian (Credit) dalam bahasa Inggeris, dan sama ada dalam Ilmu Science atau General Science.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berbahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan \$240x10-260 - 280.

Sharat2 Lantekan:

Calon2 yang terpilih akan di-lantek sechra perhubungan selama tiga tahun dan mesti-lah memperoleh Sijil "THE ROYAL SOCIETY OF HEALTH" dalam tempoh tersebut. Calon2 ini akan di-hantar ka-Singapura atau Malaya untuk mengikuti kursus dengan perbelanjaan Kerajaan.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechra lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat, Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 15 Februari, 1966.

POSMEN DI-TEMBURONG, SERIA DAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 Posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Temburong, Setia dan Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah VII Seko'lah Melayu.
- (b) Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.2 F.2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200/211-220-230-240.

Pemohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Januari, 1966.

PEGAWAI LUAR PERTANIAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Pegawai Luar Pertanian di-Pejabat Pertanian, Brunei. (4 jawatan).

Kelayakan2: — Mesti-lah lulus sijil (Rendah) dari Maktab Pertanian Serdang, Malaya atau kelulusan yang sebanding

dengan-nya.

Gaji — Dalam sukatan \$190x7 - 211 - 220x10 - 260/BAR/ 290x20 - 370 380x20 - 520.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

TUKANG KEBUN/PEMBERSEH

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari calon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei bagi jawatan2 sebagai Tukang Kebun/Pembersehh dalam Jabatan Pulis.


Gaji — sukatan gaji F.1 - 2 - 3 - 4 - 5 = \$143x3 - 158 - 160 - 180.

Chuti — Chuti dan tambang ada-lah mengikut sharat2 Kerajaan yang ada sekarang.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 23 Januari, 1966.



Sampul Surat rasmi ke luaran hari pertama yang akan di-jual di-Pejabat Pos di-seluruh Negeri Brunei bagi memperingati mending Sir Winston Churchill. Di sampul surat ini kelihatan Stem2 Khas yang akan di-jual itu. Tiap sampul surat itu dar stem2-nya berharga \$1.50 sa-keping.



PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

TEMPAT — DEWAN MAKTAB S.O.A.S.

TARIKH — MALAM 28 JANUARI, 1966

BANDAR BRUNEI. — Seramai 17 orang penyanyi2 lelaki dan perempuan yang telah berjaya dalam Pertandingan2 Bintang Radio Brunei Peringkat Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966.

Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Seluruh Negeri Brunei pada tahun ini akan diadakan pada malam hari Juma'at 28 Januari bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Bandar Brunei. Demikian di-persetujui dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 baru2 ini.

Tiket2 untuk menonton temasha tersebut, berharga \$2, \$1.50 dan \$1 akan di-jual dalam minggu ini dan juga di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam di-adakan Pertandingan

Bintang Radio Brunei itu.

Beberapa hadiah yang istimewa akan di-hadiahkan kepada para penonton yang mempunyai "nombor2 tiket yang bernasib baik" di-temasha pertandingan menyanyi itu.

Sementara itu penaja pertandingan tersebut akan menerbitkan majallah "Chenderamata Bintang" sebagai mengambil sempena Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966.

Chenderamata Bintang itu, mengandungi wajah Bintang2 Radio Brunei, gambar Oskar rebutan tahunan pertandingan tersebut dan lain2-nya akan di-jual dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Hakim2 Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 yang telah di-persetujui dalam mash-

uarat tersebut ia-lah Awang Al-Johari (Bandar Brunei), Awang Mohamed Sum bin Hashim (Bandar Brunei), Dayang Sri Kustina (Seria) dan Pengiran Mohamed dari Radio Brunei.

ANEKA RIA HARI RAYA

Pada malam hari Sabtu 29 Januari pula, Radio Brunei Bahagian Melayu akan mempersembahkan temasha Aneka Ria Aidil Fitri mengandungi berbagai2 acara yang meriah — sesuai dengan sambutan Hari Raya Aidil Fitri, bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin juga.

Tiket2 tidak akan di-jual pada malam 29 Januari dan orang ramai ada-lah di-persilakan dengan hormat-nya menonton dengan perchuma temasha Aneka Ria Aidil Fitri Tahun 1385.

Ini-lah sa-bahagian dari sampul surat hari pertama yang akan di-jual oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei bagi memperingati mending Sir Winston Churchill. Sampul surat itu berharga 15 sen sa-keping. Stem2 khas itu akan di-jual di-semua Pejabat2 Pos di-seluruh Negeri Brunei mulai 24 Januari, 1966.

Stem2 Khas Memperingati Sir Winston Churchill

BANDAR BRUNEI. — Stem2 Khas bagi memperingati mending Sir Winston Churchill akan di-jual di-Ibu Pejabat Pos di-Bandar Brunei dan di-semua Pejabat2 Pos di-seluruh Negeri Brunei pada hari Ithnin 24 Januari, 1966.

Stem2 itu, berharga 3 sen, 10 sen, 15 sen dan 75 sen akan terus di-jual di-Pejabat2 Pos tersebut selama tiga bulan atau hingga masa stem2 itu habis di-jual.

KEPUTUSAN PERTANDINGAN BACHAAN AL-KURAN ANTARA BANGSA

KUALA LUMPUR. — Keputusan Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa yang telah di-adakan di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Awang (Malaysia). Naib Johan — Inche Abdullah bin Abdul Majid (Malaysia). Nombor 3 — Tuan Haji Ismail bin Haji Hashim (Malaysia). Nombor 4 — Nai Mohd. Shukri (Thailand).

Nombor 5 — Awang Abdullah Lakim (Brunei). Nombor 6 — Inche Mokhdzar bin Hanan (Singapura). Nombor 7 — Inche Ahmad Munir Mokhtar (Filipina). Nombor 8 — Nai Salleh Noi (Thailand).

Nombor 9 — Inche Abdi Fattah Haji Idris (Filipina). Nombor 10 — Inche Sulaiman bin Ismail (Kemboja). Nombor 11 — Inche Mohd. Abdul Bari (India).

Nombor 12 — Awang Abdul Hamid Munap (Brunei). Nombor 13 — Inche Semat Abdul Rahman (Kemboja). Nombor 14 — Inche M. Zackaria (Ceylon). Nombor 15 — Inche A. M. M. Meerasa (Ceylon) dan Nombor 16 — Tuan Haji Machiv (Vietnam).

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Puan Hajjah Rugaiyah binte Sulong (Malaysia). Naib Johan — Nai Ramlah binte Haji Hussein (Thailand). Ketiga — Puan Hajjah Zuhrah binte Haji A. Bakar (Singapura). Keempat — Dayang Aminah binte Siling (Brunei). Kelima — Che' Rahmah

Jamilah Alonto (Filipina) dan Kenanam — Puan Tom Asmak (Kemboja).

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia telah menyampaikan

kan hadiah2 kepada pemenang2 dan semua gari dan gariah yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran tersebut di-Stadium Merdeka pada malam Juma'at yang lalu.

Anggota2 A. M. D. B. Berlateh Di-Kota Belud

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 35 orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei telah belayar dari Tambatan Kastam Diraja Brunei dengan sa-buah kapal "L.C.T." pada petang 17 Januari dalam perjalanan mereka ka-Kota Belud, Sabah, untuk menjalani lanjutan latihan tentera di-sana.

Mereka akan menjalani berbagai2

latihan dalam bidang ketenteraan selama kira2 3 bulan. Rombongan itu di-keuai oleh Lt. H. N. Houghton.

Ini ia-lah rombongan pertama Anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei untuk mendapatkan latihan lanjutan di-Kota Belud dan rombongan2 berikut akan di-hantar kemudian.

SAMBUTAN HARI RAYA:

PERENTAH YANG DI-KENAKAN KA-ATAS BEKAS ORANG2 TAHANAN DI-KENDORKAN

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Polis Brunei mengumomkan bahawa perentah yang di-kenakan ka-atas orang2 lepas tahanan akan di-kendorkan mulai pada hari Sabtu 22 Januari 1966 hingga ka-hari Selasa 25 Januari, 1966 supaya bekas orang2 tahanan itu boleh menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan lebeher meriah.

Dalam tempoh tersebut, mereka boleh berziarah dalam negeri, tetapi hendak-lah berada di-rumah masing2 dari pukul 10 malam hingga ka-pukul 6 pagi.

Menurut pengumuman tersebut lagi, walau pun perentah yang di-kenakan itu akan di-kendorkan, tetapi orang lepas tahanan yang hendak mengambil kesempatan ini, hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan daripada Pegawai Pemerintah Polis Daerah masing2.